

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 9/12/2010 |

BH PILIH 2C 9 (emel)

Negara perlu alih tumpuan ke sektor perkhidmatan: PM

Kajian sahkan bidang pembuatan sukar berkembang tinggi

Oleh Adha Ghazali
adha@bharian.com.my

LANGKAWI: Datuk Seri Najib Razak (kanan) mahu negara beralih tumpuan daripada sektor pembuatan kepada perkhidmatan, khususnya pelancongan yang dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi enam peratus setahun dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, kajian mengesahkan sektor pembuatan yang selama ini menjadi bidang utama ekonomi negara menjadi semakin lembap, sekali gus dilihat sukar untuk berkembang tinggi, terutama di negara maju.

"Sub sektor pelancongan kini dilihat semakin penting dalam usaha negara untuk memacu ekonomi. Sebab itu jumlah ia disenarai antara 2

NKEA (Bidang Ekonomi Utama Negara)," katanya ketika berucap sempena pembukaan rasmi Hotel The Danna di Telaga Harbour Park, Pantai Kok, di sini, semalam.

Hadir sama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi Yayasan Al-Bukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Bukhary.

Najib berkata, kerajaan akan berusaha mengupayakan sektor swasta agar dapat memainkan peranan dalam menyemarakkan kegiatan ekonomi menerusi pelaburan seperti perhotelan yang menjadi antara sektor utama dalam industri pelancongan.

"Kerajaan akan jadi pemangkin, tetapi yang membantu menggerakkan per-



tumbuhan bagi ekonomi negara adalah sektor swasta.

"Sektor pelancongan mempunyai potensi yang amat besar untuk dibangunkan bagi menjana ekonomi. Bagi membangunkan industri itu, perlu ada produk untuk menarik kedatangan pelancong," katanya.

Terdahulu, ketika berucap

merasmikan pelancaran Pelan Pembangunan Teluk Datai, di sini, beliau berkata Langkawi perlu diberikan dorongan baru untuk menyuntik kembali pembangunan sektor pelancongannya yang kini dilihat sedikit ketinggalan.

"Ramai mengatakan Langkawi ketinggalan terutama selepas Dr Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri dulu. Justeru, dorongan baru perlu diwujudkan, bagaimanapun konsep dibawa perlu mengekalkan habitat dan situasi semula jadi yang kini terdapat sekitar pulau ini.

"Malah, kita (kerajaan) melalui Khazanah Nasional Berhad sedia bekerjasama dengan penduduk tempatan untuk membangunkan Langkawi, seperti yang dilakukan bersama Teluk Datai Resorts," katanya.

BH 9/12/2010